

17/04/1997

(Laporan BSKL)

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditutup tinggi sedikit semalam berikutan kegiatan belian pada saat-saat terakhir pada kaunter berkaitan indeks sungguhpun sentimen pasaran masih lembap.

Pada mulanya, pasaran bertindak secara positif pada sebelah pagi, didorongi oleh kenaikan ketara di Wall Street kelmarin. Bagaimanapun, harga saham merosot kemudiannya kerana tiada sokongan susulan.

Penganalisis berkata minat belian yang tulen agak kecil, dan urusan niaga sebahagian besarnya, dikuasai oleh jualan agresif, terbukti setiap kali tanda aras Indeks Komposit mencatatkan tambahan mata.

Jaminan BSKL bahawa tiada syarikat broker saham yang mungkir atau digantung tidak pula memperbaiki sentimen.

Pada jam 5 petang, Indeks Komposit menambah hanya 1.11 mata kepada 1,087.78. Ia mencatat tahap terendah 1,069.86 dan harian tertinggi 1,102.11.

Indeks Emas naik 0.30 mata kepada 311.86 dan indeks Perusahaan merosot 17.39 mata kepada 2,037.97. Indeks Papan Kedua pula naik 1.27 mata kepada 537.11.

Saham untung mendahului saham rugi sebanyak 356 berbanding 287 manakala 131 kaunter tidak berubah dan 89 yang lain tidak diniagakan.

Jumlah dagangan meningkat kepada 348.313 juta saham bernilai RM2.065 bilion daripada 312.677 juta saham bernilai RM2.014 bilion kelmarin.

Di Papan Utama, sejumlah 301.989 juta saham bernilai RM1.642 bilion berpindah milik berbanding 269.478 juta saham bernilai RM1.594 bilion yang diniagakan kelmarin.

Jumlah dagangan di papan kedua pula naik kepada 46.324 juta saham bernilai RM423.134 juta jika dibandingkan 43.199 juta saham bernilai RM419.442 juta yang diniagakan kelmarin.

Dagangan langsung meningkat kepada 42.583 juta saham bernilai RM363.610 juta berbanding 30.616 juta saham bernilai RM260.702 juta sebelumnya.

Penganalisis berkata pergerakan harga saham sering kali turun dan naik dalam sekelip mata.

"Pelabur amat resah," kata penganalisis sambil menambah bahawa mereka lebih selesa bersikap sebagai pemerhati di luar pasaran kerana masih belum yakin bahawa pasaran telah mencapai tahap terendahnya.

Penganalisis itu menyatakan pelabur bimbang terhadap keadaan politik setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan sebagai berkata bahawa jawatan menteri besar Selangor belum ada pengganti.

(END)